



KEMENTERIAN PERPADUAN NEGARA

TEKS UCAPAN

**YB DATUK AARON AGO DAGANG
MENTERI PERPADUAN NEGARA**

**SEMPENA
PERTANDINGAN TEATER BAHASA MELAYU SEKOLAH
JENIS KEBANGSAAN CINA (SJKC) PERINGKAT
KEBANGSAAN**

24 OKTOBER 2024 (KHAMIS)

3.00 PETANG

**BALAI BUDAYA TUN SYED NASIR
WISMA DBP KUALA LUMPUR**

Salam Perpaduan dan Salam Malaysia MADANI.

SALUTASI

**Salutasi terkini disediakan secara berasingan*

PENDAHULUAN

1. Terlebih dahulu saya ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan ucapan tahniah kepada semua pihak yang telah berganding bahu menjayakan **Pertandingan Teater Bahasa Melayu Sekolah Jenis Kebangsaan Cina (SJKC) Peringkat Kebangsaan 2024**. Terutamanya Persatuan Han Malaysia (HAN), Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP), Jabatan Kebudayaan dan Kesenian Negara (JKKN) serta Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM).
2. Saya difahamkan sebanyak 27 buah sekolah telah mengambil bahagian dalam pertandingan pementasan teater Bahasa Melayu yang sempena kali ke-6 dianjurkan yang melibatkan SJKC Zon Tengah, Utara dan Selatan. **Bahasa kebangsaan merupakan salah satu “tiang seri” dalam pembinaan negara bangsa yang menekankan kepada elemen kebersamaan dalam kalangan rakyat melalui bahasa.**
3. **Pertandingan Teater Bahasa Melayu Sekolah Jenis Kebangsaan Cina** ini menjadi wahana bagi menggalakkan

penggunaan bahasa kebangsaan yang **betul, indah, dan tertib**. Malah, pertandingan ini sarat dengan **nilai-nilai murni** dan **teladan yang baik**, sama ada secara **tersurat** mahupun secara **tersirat** melalui pementasan teater.

4. Perpaduan yang erat dalam kalangan rakyat Malaysia merupakan salah satu petunjuk utama dalam **pembangunan negara bangsa** terutamanya dalam **kemajuan ekonomi** dan **kesejahteraan rakyat**. Pada masa yang sama, perpaduan juga merupakan petunjuk penting bagi memastikan negara mempunyai **ketahanan** bagi menghadapi gelombang modenisasi dan kecerdasan buatan (AI) di peringkat global.

Hadirin yang dikasihi sekalian,

BAHASA KEBANGSAAN

5. **Perkara 152 Perlembagaan Persekutuan** menjelaskan bahawa Bahasa Melayu tidak boleh dipertikai fungsi dan peranannya sebagai Bahasa Kebangsaan. Kedudukan Bahasa Melayu sebagai bahasa rasmi dimantapkan **dengan Akta Bahasa Kebangsaan 1967**. Kepentingannya sebagai bahasa ilmu yang menjadi medium pengajaran dan pembelajaran telah membawa kepada pewartaan Akta Pendidikan 1961 (Pindaan 1996). Peruntukan ini mencerminkan komitmen negara kita

untuk memelihara dan memartabatkan Bahasa Melayu sebagai satu simbol perpaduan.

6. Halatuju ini juga dinyatakan dengan jelas di bawah Dasar Perpaduan Negara yang telah digubal oleh Kementerian ini berteraskan **Perlembagaan Persekutuan dan Rukun Negara** di mana Bahasa Melayu perlu terus dipelihara dan dimartabatkan sebagai bahasa yang mencerminkan identiti nasional serta mampu menyimpul kukuh ikatan perpaduan negara yang berbilang bangsa sebagai bahasa pengantar utama.

7. Kementerian melalui Perpustakaan Negara Malaysia (PNM) telah bekerjasama dengan Kementerian Pendidikan Malaysia khususnya melalui Dewan Bahasa dan Pustaka bagi terus memperkasakan Bahasa Kebangsaan dalam kalangan rakyat Malaysia yang berbilang bangsa dan agama.

8. Antara inisiatif yang telah dilaksanakan adalah seperti berikut:

- i. **Penyediaan perkhidmatan rujukan maklumat Malaysiana** kepada masyarakat Malaysia melalui Perpustakaan Negara Malaysia. Sebanyak 59,148 judul dan 147,965 naskhah bahan berbahasa Melayu yang telah diterima di bawah Akta Penyerahan Bahan Perpustakaan

1986 (Akta 331) pada 2018 hingga 2023 dan tersedia untuk rujukan;

- ii. Penganjurkan **Bengkel Bahasa Melayu untuk Ekspatriat** oleh Perpustakaan Negara Malaysia dengan kerjasama daripada Kedutaan dan Pesuruhannya Tinggi yang bertujuan untuk memantapkan penggunaan bahasa Melayu.
- iii. Program **Kalam Karyawan** yang telah dilaksanakan sejak tahun 2017 bagi mengetengahkan keunikan dan keistimewaan hasil karya tokoh ilmunan dan budayawan khususnya mereka yang mendapat pengiktirafan sebagai Sasterawan Negara (SN);
- iv. **Kursus Bahasa Melayu: Biasakan Yang Betul, Betulkan Yang Biasa** bagi memberi pendedahan kepada kakitangan kerajaan daripada pelbagai gred untuk menggunakan bahasa Melayu yang betul; dan
- v. Menyemarakkan **Bulan Bahasa Kebangsaan** melalui Perpustakaan Desa PNM dengan mengadakan aktiviti bersama komuniti setempat setiap tahun.

9. Selain itu, program pertandingan teater ini juga menjadi wadah bagi **menimbulkan** dan **menyemai rasa cinta** di samping mewujudkan **sikap megah berbahasa** dalam kalangan pelajar SJKC serta semua pihak sepanjang pertandingan ini.
10. Program berbentuk **silang budaya** ini adalah amat penting untuk meningkatkan **kefahaman, rasa hormat-menghormati**, dan **saling menghargai** antara masyarakat berbilang kaum seiring dengan konsep Faham, Hormat dan Terima yang telah digariskan oleh pihak Kementerian Perpaduan Negara.
11. Dengan memartabatkan bahasa kita, kita sebenarnya memperkukuhkan perpaduan dan keharmonian dalam masyarakat yang berbilang kaum ini.

PENUTUP

12. Akhir kata, saya berharap semoga program pementasan teater ini dapat diteruskan pada masa yang akan datang bagi memastikan keunikan serta keindahan bahasa, seni dan budaya, serta pengajaran yang dipaparkan ini dapat dimanfaatkan oleh rakyat Malaysia secara keseluruhannya.

13. Dengan sukacitanya saya merasmikan **Pertandingan Teater Bahasa Melayu Sekolah Jenis Kebangsaan Cina (SJKC) tahun 2024.**

Sekian, terima kasih.